

**PILIHAN** warna terang menyerlahkan karakter berani bak seorang adiwira.

**GAYA** berkemeja memberi aura maskulin yang mudah menarik perhatian.

**BAJU T** bercetak watak Iron Man menjadi kejayaan jejaka pada masa kini.

**CHARGERS OUTFITTERS** sentiasa memahami kehendak dan cita rasa fesyen orang muda.

**busana**

# Menjiwai watak superhero

Sempena tayangan filem baharu *Iron Man*, jenama casual Chargers Outfitters mengeluarkan koleksi edisi terhad buat penggemar superhero itu.

**JENAMA** baju casual dari Malaysia, Chargers Outfitters menghasilkan koleksi istimewa karakter komik Marvel sempena tayangan filem baharu superhero ikonik, *Iron Man 3* yang memasuki pawagam 25 April lalu.

Koleksi edisi terhad tersebut menggunakan karakter sama dalam filem itu seperti dalam *Iron Man*, *War Machine*, *Iron Patriot* dan watak antagonis baharu iaitu Mandarin. Penggemar superhero itu boleh memilih beberapa rekaan seperti baju T leher bulat, baju polo, seluar pendek dan jaket. Ia dikeluarkan dengan seleksi warna-warna terang yang bersesuaian imej remaja seperti merah, kuning dan hitam. Bagi mereka yang inginkan gaya sederhana, terdapat juga pilihan tona warna asas seperti kelabu, putih dan biru.

Buat jejak yang ingin tampil ringkas, sarungkan baju T bercetak watak *Iron Man* dengan padanan seluar pendek bagi mewujudkan gaya bersahaja. Tambah menarik jika memakai kasut jenis kanvas agar tampak casual dan kemas.

Walaupun baju T dengan cetakan karakter komik, usah lupakan faktor kekemasan dan keselesaan. Pilih baju yang sesuai dengan tubuh

seperti baju T rona biru dipadankan seluar khakis warna perang gelap dan kasut sneaker harian anda.

Jika mahu sedikit kelainan, sarungkan baju T rona kuning cerah bersama kemeja gelap ketika bersantai diujung ke pusat hiburan tumpuan ramai. Pastikan ia dipadankan bersama seluar jean lusuh kegemaran bagi menampilkan keselesaan kepada anda.

Menurut Pengurus Penjenamaan dan Komunikasi Pemasaran Jordone Corporation Sendirian Berhad, Niki Leng, koleksi istimewa Chargers Outfitters itu pasti menjadi ikutan dan kegemaran anak muda kerana seiring dengan tayangan *Iron Man 3*.

"Karakter superhero itu bersesuaian dengan konsep jenama kami yang memegang prinsip muda, bersemangat dan berani menjadi diri sendiri," ujarnya ketika acara pelancaran yang diadakan serentak dengan tayangan perdana filem tersebut.

Koleksi istimewa *Iron Man 3* oleh Chargers Outfitters boleh didapati bermula 15 April lalu di beberapa pusat beli-belah utama seperti Parkson dan Outfitters Studio. Ia dijual pada harga antara RM49.90 hingga RM79.90. - HAFIZ AHMAD

**GANDINGAN** baju T bersama kemeja casual atau bergaya dengan baju T berkolar untuk gaya yang kemas.

**TAMPIL** santai dengan padanan baju T leher bulat dan seluar pendek rona pastel.

**KURANGKAN** penggunaan produk rambut yang terlalu banyak.

**URUT** kulit kepala bagi menyingkirkan kotoran pada bahagian bawah lapisan rambut.

## Hindari kelemumur!

WAJAH disolek anggun dipadankan busana ratusan ringgit, namun sayang apabila kecantikan itu dicemari oleh kepingan-kepingan kelemumur yang mengotori persalinan yang dipakai. Stailo memberikan panduan untuk mencegah dan merawat masalah ini.

**doktorgaya**

- 1 Perhatikan makanan anda**  
Masalah kelemumur boleh diatasi dengan mengambil makanan yang mengandungi Omega 3, zink dan vitamin B. Elakkan makanan yang kaya dengan yis dan gula. Kajian pakar kecantikan mendapati kelemumur terjadi akibat fungus yang dikeluarkan oleh yis, lemak dan manis.
- 2 Kurangkan produk penjagaan rambut**  
Produk penjagaan rambut seperti penyembur rambut, mousse dan gel boleh menyumbang kepada masalah kelemumur kepada sesetengah orang. Ia disebabkan oleh reaksi alergi akibat produk yang digunakan. Jika anda melihat perubahan ketika menggunakan produk baharu, hentikan penggunaannya dan tukar kepada produk yang bersesuaian dengan kulit kepala anda.
- 3 Basuh rambut**  
Kelemumur sentiasa berlaku kepada kulit berminyak. Rutin membasuh rambut setiap hari dapat mengurangkan simptom-simptom berlakunya kelemumur. Urut kulit kepala untuk membersihkan permukaan paling bawah. Teknik membasuh dua kali turut membantu mengelakkan ia daripada berlaku.

**KELEMUMUR** yang mudah kelihatan pada mata kasar menimbulkan perspektif negatif individu sekeliling.